

# Datuk Chen akan pertahan kerusinya di Ulu Selangor

PETALING JAYA, Rabu — Naib Presiden Gerakan, Datuk Michael Chen tetap akan bertanding di kawasan lamanya di Ulu Selangor dalam pilihanraya akan datang.

Sumber-sumber yang rapat dengan beliau berkata hari ini, parti itu tidak menghalang jika Datuk Chen bertanding bagi mempertahankan kerusi Parlimen yang dipegangnya semasa beliau berada dalam MCA.

"Datuk Chen ialah calon paling sesuai bertanding di situ jika

Barisan Nasional (BN) ingin terus mengekalkan kerusi di kawasan tersebut," kata sumber itu.

Ulu Selangor mempunyai lebih 40 peratus pengundi Melayu, kira-kira 30 peratus Cina dan 30 peratus India.

Menurut sumber tersebut lagi, Datuk Chen yang keluar dari MCA Mei tahun ini bersedia bertanding di mana-mana kawasan selamat dalam negeri Selangor.

Katanya, bagaimanapun beliau mudah menang di Ulu Selangor yang telah dipegangnya sejak lama dulu.



■ DATUK CHEN

penarikan diri Datuk Chen dari parti itu.

Bagaimanapun, Gerakan sendiri mempunyai strateginya dengan menerima Datuk Chen menyertai parti itu dan melantik beliau sebagai Naib Presiden dalam masa yang singkat.

Gerakan tahu sekurang-kurangnya satu kerusi Parlimen lagi akan dimiliki olehnya melalui Datuk Chen.